



Headline: Macau Scam catat rekod tertinggi
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 11 December 2018

Language: Malay
Section: Tengah
Page: 26

FOTO: MUMU CAADA CAKERIA



MAZLAN (kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB, Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz hadir pada majlis Pelancaran Padu Banteras Jenayah Siber di Menara CIMB, Jalan Raja Laut, semalam.

Kuala Lumpur

Macau Scam catat rekod tertinggi

Jumlah kerugian membabitkan jenayah komersial di ibu kota sepanjang tahun ini merekodkan peningkatan lebih 100 peratus berbanding tahun lalu.

Sehingga November lalu, sebanyak 1,201 kes dicatatkan dengan jumlah kerugian RM72.5 juta berbanding 2017 sebanyak 850 kes dicatatkan dengan jumlah kerugian RM35.1 juta.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, jenayah komersial membabitkan *Macau Scam* mencatatkan jumlah kes dan kerugian paling tinggi, malah ia

menunjukkan peningkatan berbanding tahun lalu.

“Pada 2017 jumlah kes *Macau Scam* adalah sebanyak 346 dan meningkat tahun ini sebanyak 469 dengan jumlah kerugian hampir RM53 juta. Difahamkan,

ada juga kes yang berlaku, namun tidak dilaporkan.

“Kes membabitkan pinjaman tidak wujud mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu sebanyak 382 diikuti *African Scam* dan penipuan penjualan atas talian,” katanya dalam sidang media Pelancaran Padu Banteras Jenayah Siber di Menara CIMB, Jalan Raja Laut, di sini, semalam.

FAKTA

Jumlah kerugian dicatatkan *Macau Scam* hampir RM53 juta

